

# Hubungan ekonomi KL, Canberra kekal utuh

**Canberra:** Hubungan ekonomi di antara Malaysia dan Australia dijangka terus kekal utuh menerusi pembabitan kedua-dua negara dalam empat kerangka ekonomi termasuk perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP), kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, hubungan ekonomi Australia dan Malaysia berkembang kukuh sejak beberapa tahun kebelakangan ini berdasarkan kepentingan geoekonomi bersama dan usaha memakmurkan serantau.

“Tahun lepas, perdagangan kita bernilai kira-kira A\$27 bilion (RM83.7 bilion), mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai rakan dagang ASEAN kedua terbesar Australia.

“Pada peringkat global, kami rakan dagangan ke-10 terbesar Australia,” katanya dalam syarahan *Navigating Geopolitical Currents: Malaysia and Australia's pivotal role in Asia Pacific* pada program 2024 Gareth Evans Oration yang berlang-

sung di Australian National University di sini, semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata komoditi seperti hidrokarbon, arang batu, minyak sawit dan tembaga adalah bahagian penting dalam perdagangan dua hala dan menggariskan elemen perdagangan kepentingan geostrategik di Asia Pasifik.

“Malaysia dan Australia antara negara yang menyertai empat kerangka ekonomi, termasuk Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) terbesar dunia, iaitu RCEP dan Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik.

“Ini menunjukkan minat bersama kita dalam memudahkan perdagangan dan pelaburan merentasi rantau yang dinamik ini.

“Kami juga gembira dengan komponen menumpukan perdagangan dalam strategi Southeast Asia Economic Strategy (SEAS) dilancarkan Australia baru-baru ini yang menekankan keperluan untuk mengukuhkan ker-

jasama sedemikian antara Australia dan ASEAN di tengah ketidakpastian geopolitik yang semakin meningkat,” katanya dalam syarahan umum itu yang hadir lebih 500 pelajar.

Anwar berkata, ekonomi Malaysia kini berada di landasan dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2023 dan Kerangka Ekonomi MADANI yang menggariskan bidang keutamaan yang sama seiring SEAS.

Perdana Menteri berkata, pada tahun mendatang, peluang baharu akan muncul untuk pelabur Australia dalam sektor pendigitalan, tenaga boleh baharu dan peralihan tenaga, pemprosesan tani dan sektor hiliran kimia dan mineral, bertepatan usaha Malaysia ke arah menjadi sebuah ekonomi yang kompleks dan maju.

“Satu ciri khas baharu dalam hubungan kita yang dahulunya dikategorikan sebagai perkongsian strategik ialah peningkatannya kepada perkongsian strategik komprehensif mengekal-

kan hubungan dua hala kita yang kukuh, dengan kerjasama merentasi pelbagai bidang, selalunya menjangkau ekonomi tradisional, diplomatik, keselamatan dan budaya.

“Lebih penting lagi, ia juga memberi penekanan kepada perkongsian aspirasi serantau dan hasrat untuk bekerjasama secara strategik pada peringkat pelbagai hala,” kata beliau.

Antara yang hadir pada majlis syarahan itu ialah Menteri Luar Australia, Penny Wong; Timbalan Naib Canselor (Akademik) ANU, Profesor Grady Venville dan Profesor Kehormat Gareth Evans.

Anwar berlepas dari Melbourne ke Canberra semalam yang menjadi sebahagian daripada lawatan rasmi berturut-turut beliau ke Australia atas jemputan rakan sejawatnya Perdana Menteri, Anthony Albanese.

Pesawat khas membawa Anwar dan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, mendarat di Lapangan Terbang Can-

berra jam 12.32 tengah hari waktu tempatan (9.20 pagi waktu Malaysia) bagi memulakan lawatan rasmi selama sehari.

Perdana Menteri melakukan kunjungan hormat kepada Gabenor Jeneral Komanwel Australia, Jeneral David Hurley di Government House sebelum berlepas pulang ke Malaysia.

Australia adalah rakan kongsi rapat dan penting bagi Malaysia yang menyaksikan kedua-dua negara menjalin kerjasama erat dalam pelbagai sektor termasuk pendidikan, perdagangan dan pelaburan, pertahanan, keselamatan siber serta sains dan teknologi.

Di Melbourne, Anwar mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Tahunan antara Pemimpin Malaysia-Australia Kedua (ALM) pada 4 Mac dan Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia yang dihoskan oleh Australia dari 5-6 Mac 2024 bagi memperingati ulang tahun ke-50 Hubungan Dialog ASEAN-Australia. BERNAMA